



Nik Rahimah (kiri) bersama Raja Nadzatul Shima



48
TAHUN
wanita

Memori 48 TAHUN. WANITA

SEMINAR Penulis-penulis WANITA anjuran Utusan Melayu (Malaysia) Berhad membawa dimensi baru dalam senario penerbitan majalah di Malaysia. Berlangsung di Dewan Perikumpulan Wanita Petaling Jaya, Kuala Lumpur pada 30 dan 31 Mac 1969, seminar itu menjadi medan pencetus idea yang membawa kepada penubuhan majalah WANITA.

30 orang peserta Seminar Penulis-penulis Wanita, pada 30 & 31 Mac 1969, yang diadakan di Dewan Perikumpulan Wanita, PJ, (W), bergambar bersama pihak penganjur, daripada Syarikat Utusan Melayu. Dari seminar inilah mereka mengambil keputusan untuk menerbitkan sebuah majalah dalam bahasa Malaysia, khusus untuk wanita. Majalah WANITA diterbitkan pada 1 Ogos 1969.



Sewaktu menyertai majlis merikan Tun Fatimah Hashim sebagai menteri wanita pertama tahun 1969.



ZALIMAH ALIAS, ALICE YONG & JANET MOK, OGOS 1969
GAMBAR PERTAMA WANITA



SITI SARAH & SHUIB, FEBRUARI 2017

Muncul sebagai majalah perempuan paling berpengaruh pada waktu itu, keluaran pertama Majalah WANITA terbit pada tanggal 13 Ogos 1969. Menggunakan moto, Majalah Untuk Semua Peringkat Wanita, edisi pengenalan WANITA dicetak pada kertas skibar (newsprint) dengan ruangan fesyen, resipi dan iklannya menggunakan art paper selain dibukukan dalam bentuk staple binding atau saddle stitching.

Mengikuti pasaran dengan harga 60 sen bagi setiap naskah, WANITA mengandungi 50 halaman. Setiap helainya menceritakan pelbagai informasi berkaitan kaum Hawa sesuai dengan tujuan penubuhannya untuk mendidik golongan perempuan pada waktu itu.

Sebagai permulaan, tiga wanita iaitu Zaimah Alias, pekerja di Federal Travelling Agency Kuala Lumpur, Janet Mok, model sambutan dan Alice Teong seorang jurusolek telah dipilih sebagai penghias kulit majalah WANITA keluaran pertama. Dengan rona merah dipilih menjadi masthead atau manduk untuk memperkenalkan jenama majalah WANITA pada masyarakat, keluaran pertama itu berjaya menarik perhatian pembaca sehingga mencatat jualan sebanyak 40,000 naskah.

Walaupun pada awalnya, WANITA hanyalah bahan bacaan ringan buat surirumah namun peranannya terus berkembang menjadi sumber rujukan buat WANITA bekerjaya. Sekali gus menjadi manifestasi kepada pembangunan wanita Melayu di Malaysia.

WANITA terus mengorak langkah dengan penuh jaya. Malah WANITA terus gah dalam kelasnya yang tersendiri dan sering menjadi pilihan penerbit diraja bagi merakamkan perkahwinan, detik bersejarah yang terlindah dalam hidup mereka meskipun menerima banyak saingan daripada majalah majalah wanita yang lain.

WANITA mencatat sejarah tersendiri pada Mac 1981 apabila berjaya menjadi majalah pertama di negara kita yang memperoleh edaran tertinggi iaitu 103,862 naskah. Terus mendapat tempat di hati pembaca, jualan WANITA kian meningkat apabila mencapai edaran sebanyak 109,000 naskah pada tahun 1988. Selari dengan peningkatan jualan, jumlah pembaca WANITA juga kian bertambah sehingga mencatat 604,000 orang dengan 587,000 pembaca Melayu, 32,000 (Cina) dan 17,000 (India).

Kini setelah hampir lima dekad berada di pasaran, WANITA bukan lagi wadah bacaan yang berkisar kepada kaum Hawa semata-mata. Dengan pengisian yang lebih holistik, WANITA, terus mengorak langkah dengan penuh bergaya untuk muncul sebagai salah sebuah majalah terulung di Malaysia.

Sempena ulang tahun WANITA ke-48 Ogos ini, kami paparkan sekali lagi wajah-wajah ayu yang pernah menjadi penghias kulit majalah kesayangan anda ini daripada awal penerbitannya hinggalah ke hari ini.

48
TAHUN
wanita



MARINA CHIN, RAJA ERIK
NEGARA, JANUARI 1976



DATIN SERI HAMIDAH
ABDUL HAMID, OKTOBER 1976

SIAPA PUAN SEBELUM BERGELAR EDITOR WANITA - PENGALAMAN DALAM BIDANG KEWARTAWANAN DAN PENERBITAN SEBELUM ITU? DAN APAKAH JAWATAN TERAKHIR DIPEGANG SELEPAS BERGELAR EDITOR WANITA?

Bermula sebagai wartawan pelatih untuk akhbar Utusan Melayu, saya kemudiannya menyertai majalah WANITA di bawah pengarang pertama Allahyarham Harun Hassan (Pak Harun). Beberapa bulan selepas itu, saya diberi tugas mengemudi WANITA setelah Pak Harun meletakkan jawatan. Lebih kurang 10 tahun bersama WANITA, saya meletakkan jawatan dan menyertai beberapa syarikat penerbitan majalah dan surat khabar lain selama lebih kurang 20 tahun sebelum 'dilamar' syarikat DRB-HICOM pada tahun 1995 selaku Pengurus Perhubungan Awam Bahagian Komunikasi Korporat. Dan, pada tahun 2006 saya mengambil keputusan bersara dan berehat sehingga kini.

PENGALAMAN & KENANGAN PAHIT MANIS SEMASA BERGELAR EDITOR?

Banyak kenangan pahit manis yang saya lalui sepanjang bergelar editor WANITA. Antara yang menarik adalah apabila berpeluang bertemu dan mewawancara golongan kerabat diraja. Tidak ketinggalan, kenangan menemui bual beberapa artis ternama seperti Allahyarham Tan Sri P.Ramlee, Allahyarhamah Puan Sri Saloma, Allahyarham Tan Sri Datuk (Dr) Jins Shamsuddin dan Datuk Sarimah Ahmad. Antara kenangan yang saya tidak dapat dilupakan adalah sewaktu menghadiri majlis pertabalan salah seorang sultan di negara ini. Saya dan jurugambar pada waktu itu hampir ditembak oleh salah seorang pengawal bertugas ketika ingin menemui bual seorang artis dari negara seberang yang kebetulan dijemput hadir ke majlis tersebut.

PROSES KERJA PADA ZAMAN PUAN?

Gambar yang dihasilkan pada zaman itu menggunakan kaedah filem. Memandangkan gambar diambil tidak boleh dilihat sebagaimana hari ini, jurufotokan terus membidik kameranya

hingga pernah habis satu role filem. Hasil gambar hanya dapat dilihat selepas dicuci dan selepas itu barulah proses pemilihan gambar dapat dilakukan. Gambar terbaik akan dijadikan penghias muka hadapan majalah.

KONSEP YANG PUAN BAWAKAN ATAU MUNGKIN PERUBAHAN YANG PUAN LAKUKAN?

Tidak hanya memaparkan wanita biasa sebagai penghias sampul kulit hadapan, puteri-puteri dalam kalangan kerabat diraja turut menjadi pilihan. Untuk isu Oktober 1970 yang memaparkan Raja Permaisuri Agong Pertama, Almarhumah Sultanah Bahiyah Almarhum Tuanku Abdul Rahman, muka surat wanita ditambah sebanyak empat muka surat daripada 50 muka surat. Manakala untuk isu Disember tahun yang sama, halaman muka suratnya telah ditambah kepada 94 muka surat bersempena keluaran Khas Hari Raya majalah ini.

CABARAN MAJALAH PADA WAKTU ITU.

Saya bertuah kerana WANITA dilahirkan tanpa sebarang persaingan daripada majalah lain ketika itu. Bagaimanapun, demi menambah bilangan pengikut daripada kalangan pembaca WANITA, saya pelbagaikan cerita dengan memaparkan kisah kejayaan golongan wanita dari kawasan kampung dan pedalaman.

COVER YANG PALING PUAN INGATI?

1. PG Lim (Ogos 1971)
2. Raja Zarina (Februari 1972)
3. Raja Permaisuri Agong Pertama, Almarhumah Sultanah Bahiyah Almarhum Tuanku Abdul Rahman (November 1972)
4. Datuk Yasmin Yusoff (Julai 1978)
5. Ratna Sari Dewi Sukarno (Oktober 1980)

SIAPAKAH PERSONALITI COVER YANG PUAN MAHU MEREKA HADIR DI MAJLIS ULANG TAHUN WANITA KE-48?

Tunku Dara Naquiah, Almarhum Tuanku Tuanku Jaafar, Datin Sel Masnah Rais, Tun Rahah Mohammad Noah, Marina Chin, Datuk Yasmin Yusoff, Datin Seri Hamidah Abdul Hamid.

**NIK RAHIMAH
NIK HASSAN**

EDITOR WANITA 1969 - 1980

Noorkumalasari, Raja Datuk Seri Nadzatul shima Almarhum Sultan Idris dan Datuk Sarimah Ahmad.

PADA PENDAPAT PUAN, APAKAH YANG MENJADI KEKUATAN UTAMA WANITA YANG MEMBEZAKANNYA DENGAN MAJALAH KEWANITAAN LAIN DI PASARAN, SEHINGGA BOLEH BERTAHAN SELAMA 48 TAHUN?

Pada pandangan saya, isi kandungan WANITA yang menepati cita rasa dan kehendak pembaca wanita zaman dahulu dan kini merupakan kekuatan utama majalah ini. Disebabkan itu, WANITA kekal bertahan meskipun perlu bersaing dengan lambakan majalah kewanitaan lain yang muncul selepas itu.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MAJALAH WANITA PADA MASA KINI.

WANITA perlu memantapkan lagi pencarian bahan berita meliputi kisah golongan istana, bandar juga cerita golongan penduduk kawasan pedalaman. Dari sini pelbagai cerita boleh ditonjolkan dari pelbagai perspektif dengan kreativiti penulisan yang ingin disampaikan.





YAMINAH YUSOF
EDITOR WANITA 1983-1986

SIAPA PUAN SEBELUM BERGELAR EDITOR WANITA - PENGALAMAN DALAM BIDANG KEWARTAWANAN DAN PENERBITAN SEBELUM ITU? DAN APAKAH JAWATAN TERAKHIR DIPEGANG SELEPAS BERGELAR EDITOR WANITA?

SEBELUM ini saya adalah Penolong Pengarang WANITA. Saya dilantik menjadi Pengarang WANITA pada 1983 dan merupakan pengarang pertama yang berjaya menaikkan edaran WANITA daripada 85,000 kepada 120,000 naskhah sebulan.

Ketua Kumpulan Majalah ketika itu adalah Allahyarham Osman Abadi (Pak Osman). Beliau telah memberi amaran keras jika edaran WANITA turun daripada 80,000 naskhah, saya akan ditukarkan kembali ke akhbar Utusan Malaysia.

Namun jawapan saya mudah. "Saya mengaku memang tidak ada pengalaman di majalah malah saya sendiri pun tidak mahu berada di majalah. Saya rela ditukarkan kembali ke akhbar kerana jawatan saya sebelum itu adalah Penolong Pengarang Mingguan Malaysia."

Oleh sebab saya berjaya menaikkan edaran WANITA dalam masa tidak sampai setahun, maka pada Februari 1984 saya dilantik menjadi Pengarang WANITA (yang pertama) secara rasminya pada April 1984.

Selepas menjadi Pengarang WANITA pada Jun 1986 saya dilantik menjadi Pengarang Wanita di Utusan dengan mengelolakan ruangan wanita di Mingguan Malaysia, Utusan Malaysia, Utusan Melayu dan Utusan Zaman.

KENANGAN PAHIT MANIS SEMASA BERGELAR EDITOR?

Saya terpaksa bekerja keras kerana saya tidak ada pengalaman dalam menguruskan penerbitan majalah. Saya juga perlu menarik perhatian pembaca dengan memperkenalkan idea-idea baru dan yang lebih penting saya perlu meningkatkan lagi edaran WANITA.

Pak Osman tidak membenarkan saya menggunakan artis sebagai penghias kulit atau *cover girl* WANITA, sebaliknya dipilih dalam kalangan wanita profesional dan eksekutif yang cantik. Masalahnya, apabila mendapat wanita cantik, jawatan mereka pula tidak mencapai garis panduan yang dikehendaki.

Lebih menyedihkan bilangan kakitangan yang tidak mencukupi. WANITA mempunyai tiga wartawan sahaja. Apabila seorang berhenti, lima bulan kemudian barulah tempatnya digantikan tetapi jumlah wartawan yang ada tetap tiga. Arahan Pak Osman semua kakitangan mesti kerja keras dan tidak boleh main-main. Majalah keluar sebulan sekali, mengapa mesti ramai

pekerja. Editor pun mesti keluar mencari berita dan menulis artikel.

Beliau juga mahu kami menulis rencana yang menarik kerana tidak ada majalah pesaing yang berbuat demikian. Lebih-lebih lagi, para pembaca gemarkan artikel berbentuk rencana.

Setiap hujung bulan menjadi igauan dan kebimbangan kami kerana perlu menunggu kedatangan sehelai kertas dari jabatan pengedaran untuk membuat tempahan majalah. Ketika itu, kami menunggu dengan hati berdebar-debar. Berapakah jumlah tempahan WANITA bagi bulan itu? Adakah semakin bertambah atau menurun? Ia satu penyeksaan buat saya.

PENGALAMAN PALING MANIS

Idea paling baik dan terhebat adalah mengadakan pertandingan memasak yang dianjurkan oleh WANITA. Walaupun program itu dijalankan tanpa mengeluarkan sedikit pun dana syarikat dan sepenuhnya ditaja, pertandingan ini tetap berjaya. Malah lebih membanggakan program ini turut mendapat sambutan menggalakkan daripada pembaca sehinggakan berjaya dianjurkan ke seluruh negara untuk tempoh beberapa tahun berikutnya.

Saya juga memperkenalkan ruangan doktor menulis dengan kerjasama Persatuan Doktor-doktor Perubatan Islam Malaysia (PPIM), menghasilkan keluaran bumper pada penghujung tahun. Paling istimewa bumper WANITA pertama telah dibuat dengan 200 muka surat.

Selain itu, WANITA turut menjadi majalah eksklusif yang menyiarkan majlis perkahwinan Raja Zarith Sofia dengan Tengku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail. Ketika itu jualan meningkat sehingga 95,000 naskhah, dalam tempoh tiga hari di pasaran.

PROSES KERJA PADA ZAMAN PUAN?

Percetakan di era 80-an agak rumit kerana penggunaan kertas *news print* yang cepat kuning jika disimpan lama berbanding menggunakan kertas *art paper*. Proses menyiapkan bahan editorial juga mesti dibuat dengan cepat kerana cetakan majalah dibuat oleh syarikat percetakan di lokasi yang berlainan.

Kos membuat filem juga agak tinggi kerana perlu membuat empat keping filem untuk satu muka surat. Pengarang tidak boleh membuat silap, jika sekeping muka surat tersalah gambar, *heading* dan ejaan, empat keping filem itu akan dibuang dan diganti dengan filem yang baharu. Ini menelan kos yang tinggi. Kini proses percetakan menjadi mudah dan murah apabila menggunakan fail digital (pdf file).

KONSEP YANG DIBAWAKAN ATAU MUNGKIN PERUBAHAN YANG PUAN LAKUKAN?

Perubahan pada reka letak atau *layout* tidak banyak dibuat, cuma tambahan kos akan dikenakan pada muka surat berwarna dan kemudiannya ditambah secara berperingkat-peringkat. Oleh kerana bajet terhad, halaman muka surat berwarna hanya dibuat atas kertas *news print* dan bukannya *art paper*.

CABARAN MAJALAH PADA WAKTU ITU...

Saringan memang ada meskipun edaran majalah pesaing tidak sebanyak WANITA. Majalah Pesaing menggunakan *art paper* dan semua muka surat berwarna berbanding WANITA yang muka suratnya masih hitam putih di atas kertas *news print*.

STORY EKSKLUSIF YANG DIPEROLEH SEMASA MENGEMUDIKAN WANITA?

Majlis perkahwinan diraja antara Raja Zarith Sofiah anakanda kedua Sultan Perak, Raja Idris dengan Putera Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail. Isu tersebut bukan saja eksklusif, tetapi mencatatkan sejarah WANITA sebagai keluaran paling laris dalam tempoh tiga hari di pasaran.

COVER PALING UNIK YANG PUAN HASILKAN, MENGAPA?

Perkahwinan Raja Zarith Sofiah dan Tengku Ibrahim Ismail. Hasilnya WANITA laris di pasaran.

COVER DENGAN CIRCULATION TERTINGGI.

Ketika itu edaran WANITA memang tertinggi melebihi target yang ditetapkan.

COVER YANG PALING PUAN INGATI, MENGAPA?

Saya berharap cover Raja Zarith Sofiah dicalonkan sebagai cover ikonik kerana mencatatkan sejarahnya yang tersendiri. Cover itu juga menjadi kayu ukur pada edaran WANITA yang seterusnya apabila edarannya meningkat melebihi 100,000 naskhah. Ketika akhir tugas saya di WANITA pada Mei 1986 edaran tertinggi yang pernah dicapai WANITA melebihi 140,000 naskhah sebulan.

SIAPAKAH PERSONALITI COVER ANDA YANG MAHU MEREKA HADIR DI MAJLIS ULANG TAHUN WANITA KE 48?

Sultanah Johor, Raja Zarith Sofiah.


PADA PENDAPAT PUAN, APAKAH YANG MENJADI KEKUATAN UTAMA WANITA YANG MEMBEZAKANNYA DENGAN MAJALAH KEWANITAAN LAIN DI PASARAN, SEHINGGA BOLEH BERTAHAN SELAMA 48 TAHUN?

WANITA berjaya mendekati hati kaum wanita. Mengikuti edaran masa dan memenuhi semua cita rasa wanita dari peringkat remaja hingga ke golongan emas.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MAJALAH WANITA PADA MASA KINI.

Saya cadangkan WANITA memberi peluang kepada ramai pembaca wanita menjadi penulis.

1. Sama ada bercerita tentang sejarah sekolah atau asrama mereka.
2. Sejarah tempat yang pernah mereka tinggal (contoh bekerja di luar negara termasuk Sabah dan Sarawak)
3. Penistiwa yang paling menarik hati.
4. Aktiviti persatuan yang menghimpunkan orang ramai. Jika banyak gambar disiarkan, tentu ramai pembeli. Mereka akan membeli majalah kerana gambar yang disiarkan akan menjadi sejarah dan kenangan.



**ROSEVINA
MAIMUNAH**
EDITOR WANITA 1986-1993

SIAPA PUAN SEBELUM BERGELAR EDITOR WANITA - PENGALAMAN DALAM BIDANG KEWARTAWANAN DAN PENERBITAN SEBELUM ITU? DAN APAKAH JAWATAN TERAKHIR DIPEGANG SELEPAS BERGELAR EDITOR WANITA?

Kerjaya saya bermula sebagai wartawan di Utusan Malaysia pada tahun 1968. Di Utusan Malaysia, saya berpeluang berada dalam pelbagai meja seperti jenayah, hiburan, sukan, keluarga dan sebagainya. Pada 1969, saya mengikuti seminar penulis wanita dan dari situlah majalah WANITA dilahirkan di bawah kelolaan Allahyarham Harun Hassan.

Pada awal 1980, saya dilantik sebagai penolong editor majalah berkonsep remaja iaitu *Selecta Femina*. Daripada 8,000 naskhah, saya dan dua orang wartawan berjaya meningkatkan pengeluaran kepada 50,000 naskhah bagi setiap keluaran.

Pada tahun 1983 hingga 1984, saya mengikuti suami ke Amerika Syarikat dan Utusan membiayai pengajian saya dalam penulisan kreatif di sana. Jadi saya mengikat kontrak bersama Utusan selama lima tahun. Sekembalinya dari Amerika, saya dilantik menjadi editor majalah WANITA pada tahun 1986.

Selama tujuh tahun saya mengemudi perjalanan majalah WANITA sebelum dinaikkan pangkat kepada Ketua Pengarang Bahagian Majalah pada tahun 1994. Ketika inilah banyak majalah baru dilahirkan seperti majalah HAI, RIAS, MANGGA, KAWAN, SAJI, CERDAS PINTAR dan banyak lagi. Apa yang menggembirakan, kesemua majalah ini mencatat rating jualan yang amat memberangsangkan.

Jawatan terakhir saya di Utusan ialah Pengurus Editorial sehinggalah saya bersara. Selepas bersara, saya dilantik sebagai Pengarah Malaysian Press Institute (MPI) selama dua tahun.

PENGALAMAN & KENANGAN PAHIT MANIS SEMASA BERGELAR EDITOR?

Majalah WANITA mencatat rating jualan yang cukup tinggi ketika itu. Zaman Maimunah Yusof saja, pengeluaran majalah sudah pun melebihi 100,000 naskhah. Jadi apabila saya mengambil peranan sebagai editor selepas Maimunah, saya harus mencari strategi untuk mengekalkan dan meningkatkan jualan majalah. Alhamdulillah, dengan kekuatan bersama empat orang wartawan, kami berjaya menaikkan pengeluaran majalah sehingga 130,000 naskhah sebulan.

Apabila tiba isu bumper, pengeluarannya mencecah 180,000 naskhah. Bagi isu bumper, bilangan muka surat mencecah 200 muka. Dan

seperuh daripadanya adalah iklan. Apa yang boleh saya katakan, majalah WANITA mencatat keuntungan yang cukup tinggi bagi isu bumper.

Kenangan manis buat saya adalah ketika sambutan 20 tahun majalah WANITA. Ketika itu kami memilih, Kavita Kaur sebagai cover majalah WANITA. Apa yang menggembirakan, majalah tersebut mencatat pengeluaran sehingga 140,000 naskhah (cetakan pertama), sebelum diulang cetak kepada 20,000 naskhah, ditambah kepada 20,000 naskhah lagi dan seterusnya, sehingga ia mencecah 200,000 naskhah bagi keluaran itu saja. Inilah pengalaman yang cukup manis buat saya dan team WANITA.

Kalau nak cerita bab kenangan pahit pula, kami memang banyak berkorban dari segi cuti. Memandangkan tenaga kerja tidak ramai dan beban tugasnya banyak, maka kami memang susah hendak cuti.

PROSES KERJA PADA ZAMAN PUAN?

Zaman saya bekerja masih menggunakan cara pengambilan gambar dengan kamera filem. Tidak seperti sekarang yang cukup mudah dengan kamera digital. Paling mencabar apabila gambar yang diperolehi tidak mencapai pawaian yang diinginkan. Jadi, kami perlu merakam semula personaliti atau subjek tersebut sehingga mendapat hasil yang benar-benar terbaik.

Ketika itu, kami juga mempunyai kekangan dari segi kilang percetakan. Memandangkan kita masih belum ada kilang percetakan sendiri, semua majalah dicetak di sebuah kilang percetakan di Petaling Jaya, Selangor. Apa yang mencabar, saya dan beberapa orang wartawan perlu 'angkut' mesin taip ke kilang percetakan. Bukan apa, memang jika masih ada ruang kosong dalam majalah yang perlu diisi dengan artikel. Jika ada, maka wartawan akan menulis artikel ketika itu juga di kilang percetakan tersebut.

KONSEP YANG PUAN BAWAKAN ATAU MUNGKIN PERUBAHAN YANG PUAN LAKUKAN?

Saya masih mengekalkan konsep asal iaitu fokus pada wajah sahaja untuk cover. Kita amat jarang menggunakan artis sebagai cover. Jika adapun saya lebih gemar menggunakan wajah kerabat Diraja. Pada ketika itu, saya begitu akrab dengan golongan istana dan kami sering diundang ke majlis-majlis perkahwinan Diraja.

Jika ada perubahan pun, saya lebih menjurus kepada pengisiannya iaitu mengikut trend semasa. Begitu juga dari segi layout, perlu mengikut trend semasa. Bila tiba isu raya pula, saya akan insert satu buku resipi yang mengandungi 1,001 hidangan raya. Buku resipi ini memang saya carikan tajaan. Setiap tahun semasa isu raya, saya akan buat insert buku resipi ini dan sambutan daripada pembaca cukup hebat.

Selain itu, saya mewujudkan ruangan lelaki bergaya. Apa yang membanggakan, ruangan ini sering dipenuhi oleh menteri-menteri dan nama-nama besar seperti Tan Sri Abu Hassan Omar, Datuk Abang Johari Tun Openg, Datuk Seri S. Samy Vellu dan ramai lagi. Mereka nyata cukup sporting dan memberi kerjasama yang amat baik.

CABARAN MAJALAH PADA WAKTU ITU.

Walaupun ketika itu tidak banyak persaingan, namun pengeluaran majalah perlu cepat. Saya akan pastikan setiap 20 atau 21 hari bulan, majalah sudah pun berada di pasaran. Kalau lambat, memang nampak penurunannya. Orang Malaysia ni memang tidak berapa gemar membaca. Jadi, jika mereka sudah pun membeli satu majalah, tidak mungkin lagi mereka akan beli majalah lain pula. Jadi, jangan sesekali langgar tarikh majalah berada di pasaran.

COVER PALING UNIK YANG PUAN HASILKAN, MENGAPA?

Seingat saya cover Kavita Kaur. Saya sengaja tinggikan sanggulnya dan sengetkan sedikit. Memang nampak pelik, tapi tak sangka pula ramai pembaca yang suka dengan gaya sanggul tersebut.

COVER DENGAN CIRCULATION TERTINGGI?

Kavita Kaur dengan 200,000 naskhah.

COVER YANG PALING PUAN INGATI, MENGAPA?

Sudah tentu Kavita Kaur dan cover anak-anak raja. Sebab ia menyimpan pelbagai kenangan manis buat saya.

SIAPAKAH PERSONALITI COVER YANG PUAN MAHU MEREKA HADIR DI MAJLIS ULANG TAHUN WANITA KE 48?

Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, Tan Sri Rafidah Aziz, Puan Sri Tiara Jacquelina dan Kavita Kaur

PADA PENDAPAT PUAN, APAKAH YANG MENJADI KEKUATAN UTAMA WANITA YANG MEMBEZAKANNYA DENGAN MAJALAH KEWANITAAN LAIN DI PASARAN, SEHINGGA BOLEH BERTAHAN SELAMA 48 TAHUN?

WANITA lahir sebagai majalah berkonsep kewanitaan yang pertama. Selepas itu, barulah lahir majalah-majalah lain yang berkonsepkan serupa. Kekuatan utama WANITA adalah dekat dengan pembaca. Kami buat kajian apa yang pembaca mahu dan suka. Pembaca lebih gemarkan ruang masakan dan juga kisah rumah tangga. Saya juga mengambil kolumnis yang bagus seperti Datuk Dr. Hamid Arshat yang berkongsi perihai sakit tua. Berdasarkan kajian yang kami buat, memang pembaca wanita suka membaca perihai sakit tua ini. Jadi itulah pentingnya kita mengetahui apa yang pembaca mahukan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MAJALAH WANITA PADA MASA KINI.

Apa yang saya lihat, WANITA pada hari ini sudah cantik daripada segi pengisian dan layout. Cuma, WANITA perlu dekatkan lagi dengan pembaca. Buat sesuatu yang pembaca suka. Kalau mereka suka bisnes online, tidak salah jika WANITA menganjurkan bengkel bisnes online. Jika pembaca sukakan kelas masakan, buat bengkel masakan. Buat juga seminar kecantikan dan kesihatan. Banyak gambar, artikel jangan terlalu berat dan padat sebab pembaca hari ini sudah tidak gemar membaca artikel yang terlalu padat. Jadikan artikel itu lebih santai. Cari konsep dan pengisian yang pembaca mahu baca.

SIAPA PUAN SEBELUM BERGELAR EDITOR WANITA – PENGALAMAN DALAM BIDANG KEWARTAWANAN DAN PENERBITAN SEBELUM ITU? DAN APAKAH JAWATAN TERAKHIR DIPEGANG SELEPAS BERGELAR EDITOR WANITA?

Saya mula bekerja dan menimba pengalaman selama lima tahun sebagai wartawan biasa di Bintang Timur di bawah Warta Negara Press Sdn.Bhd yang merupakan anak syarikat Utusan Melayu di Pulau Pinang pada tahun 1974. Kemudian, berpindah ke Utusan Melayu pada tahun 1979 di Kuala Lumpur dan bekerja sebagai kerani selama lebih kurang enam bulan memandangkan tiada kekosongan untuk jawatan wartawan pada ketika itu. Selepas itu, saya ditempatkan di meja Luar Negara dan melakukan kerja-kerja alih bahasa.

Dari meja Luar Negara, saya dipindahkan ke meja Keluarga pada tahun 1987. Dari situ, saya turut dipinjamkan ke majalah WANITA bagi membantu melancarkan tugas dan berpeluang menimba pengalaman bekerja di bawah pengarang-pengarang WANITA sebelum itu iaitu Faridah Idris, Maimunah Yusof dan Roseminah Ahmad.

Dari meja Keluarga, saya ditempatkan pula di Meja Mingguan Malaysia selama lebih kurang 13 tahun dan diamanahkan menjadi Editor WANITA sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1997 hingga 2003 dan 2009 hingga 2013.

Pada awal tahun 2013, selain memegang tanggungjawab sebagai Pengarang WANITA, saya turut dilantik sebagai Pengarang Kanan Unit Majalah Keluarga di Utusan Karya Sdn. Bhd. Jawatan terakhir saya selepas bergelar Editor WANITA adalah Pengarang Kanan Unit Majalah Keluarga sebelum bersara secara rasmi pada Januari 2015.

PENGALAMAN & KENANGAN PAHIT MANIS SEMASA BERGELAR EDITOR?

Saya bersyukur, sepanjang tempoh bergelar editor (1997-2003 & 2009-2013) saya mendapat team yang bagus. Team saya adalah kekuatan saya. Dan kerana itu jugalah, saya tidak pernah meletakkan diri sebagai ketua, sebaliknya wartawan biasa seperti mereka.

Antara kenangan yang tidak dapat saya lupakan adalah tidur di masjid bersama jurugambar, Nor Baini Masri sewaktu membuat liputan perkahwinan Cik Puan Muda Pahang, Cik Puan Julita Aishah pada tahun 2002. Kami tidur di masjid semata-mata tidak mahu ketinggalan membuat liputan beberapa acara penting pasangan mempelai.

Sewaktu tugas membuat liputan majlis perkahwinan keturunan ketujuh Mahsuri, Wan Aishah Wan Nawawi (Aishah Mahsuri) pada tahun 2010, saya turut berkesempatan menemu bual bekas pemimpin kanan Melayu dalam Parti Komunis Malaya, Rashid Maidin yang tinggal di Kampung Malaysia di sempadan Selatan Thailand. Manakala kenangan manis pula adalah sewaktu menyambut ulang tahun majalah WANITA yang ke 40 tahun yang dihadiri oleh Permaisuri Siti Aishah.

PROSES KERJA PADA ZAMAN PUAN?

Awal tahun 2000, gambar masih menggunakan filem. Teknologi peretakan waktu itu pula masih mengguna pakai teknik tampalan. Meski kaedah yang diguna pakai masih

berteraskan gaya manual tetapi proses kerja pada zaman itu telah bergerak ke arah teknologi canggih.

KONSEP YANG PUAN BAWAKAN ATAU MUNGKIN PERUBAHAN YANG PUAN LAKUKAN?

Saya masih mengekalkan konsep Cantik, Sopan, Anggun dan Berkerjaya disamping menjaga imej serta fitrah wanita sebenar. Seksi tak menggapa tapi biarlah bersopan. Walau ada yang beranggapan ia seolah-olah gaya kekampungan, tetapi gaya sedemikianlah yang melanjakkan nama WANITA pada era tersebut.

Selain itu, dari aspek pemilihan cover pula, saya berusaha untuk tidak menjadikan golongan artis atau selebriti sebagai penghias kulit. Namun begitu, saya masih menyelitkan sedikit artikel mengenai golongan artis di bahagian dalam. Alasan saya tidak mengambil artis pada ketika itu adalah kerana ingin membezakan majalah ini dengan majalah hiburan.

CABARAN MAJALAH PADA WAKTU ITU.

Sangat hebat dan sengit. Sebab ketika itu, kebanyakan majalah yang wujud ala-ala WANITA. Dalam erti kata mudah, WANITA ketika itu mengalami plagiat sekali gus menjadi majalah rujukan secara tidak langsung kepada pesaingnya.

STORY EKSKLUSIF YANG DIPEROLEH SEMASA MENGEMUDIKAN WANITA.

Walaupun foto-rata media dijemput menghadiri majlis perkahwinan Cik Puan Muda Pahang, Cik Puan Julita Aishah dan Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Al-Haj Sultan Ahmad Shah yang berlangsung selama enam hari enam malam di Kuantan dan Pekan, Pahang pada tahun 2002. Alhamdulillah, saya bersyukur kerana berjaya menemu bual pasangan tersebut secara eksklusif.

Tidak ketinggalan, saya turut berpeluang mendapatkan kisah eksklusif Aishah Mahsuri pada tahun 2000 selain membuat liputan penuh pada majlis perkahwinannya pada tahun 2010.

COVER PALING UNIK YANG PUAN HASILKAN, MENGAPA?

Tak ada yang unik sebab saya lebih tekankan kualiti cerita di sebaliknya cover. Satu kepuasan yang saya rasa dalam penghasilan cover Datuk Siti Nurhaliza pada tahun 2002 yang mana saya tampilkan khusus 25 muka surat untuk cerita beliau. Untuk mendapatkan cerita Datuk Siti pada ketika itu agak mencabar apabila arwah bapa beliau enggan ditemu bual. Bagaimanapun, saya dan jurufoto, Mahathir Ali, tidak berputus asa dan terus menunggu. Alhamdulillah, penantian kami berbaloi apabila tengah malam itu, bapa saudara Datuk Siti menelefon dan menjemput kami datang ke rumah baru ibu bapanya. Lebih menggembirakan, bapa beliau turut menyatakan kesediaan untuk ditemu bual.

Aishah Mahsuri pula saya anggap unik kerana sewaktu saya dan jurufoto, Nor Baini Masri, ingin melakukan sesi fotografi, secara tiba-tiba cuaca bertukar hujan lebat diikuti guruh bersama tiupan angin kencang sehingga menyebabkan banjir. Selain bekalan elektrik terputus, kamera juga tidak dapat berfungsi secara tiba-tiba. Hampir sejam berada



**NORMALA
HANIZAH**

EDITOR WANITA
1997-2003 & 2009-2013

dalam keadaan itu, saya dan jurufoto mengambil keputusan mengambil wuduk dan membaca surah Yasin. Alhamdulillah, lebih kurang setengah jam selepas itu, keadaan kembali reda.

COVER DENGAN CIRCULATION TERTINGGI.

1. Wan Aishah Wan Nawawi (keturunan ketujuh Mahsuri-Aishah Mahsuri) – Ogos 2000.
2. Siti Nurhaliza – Ogos 2002 (Jualan 135,000)
3. Cik Puan Muda Pahang, Cik Puan Julita Aishah – September 2002 (Jualan 150,000)

COVER YANG PALING INGAT?

Aishah Mahsuri, Datuk Siti Nurhaliza, Che Puan Muda Julita Aishah dan Tengku Puteri Intan Shafinaz.

SIAPAKAH PERSONALITI COVER YANG PUAN MAHU MEREKA HADIR DI MAJLIS ULANG TAHUN WANITA KE 48?

Tengku Puteri Intan Shafinaz, Datuk Siti Nurhaliza, Datuk Dr. Mashitah Ibrahim, Aishah Mahsuri dan Sonia.

PADA PENDAPAT PUAN, APAKAH YANG MENJADI KEKUATAN UTAMA WANITA YANG MEMBEZAKANNYA DENGAN MAJALAH KEWANITAAN LAIN DI PASARAN, SEHINGGA BOLEH BERTAHAN SELAMA 48 TAHUN?

Terletak pada perkataan WANITA kerana perkataan tersebut unik. Huraian saya menyeluruh untuk bercerita fitrah seorang wanita yang Allah anugerahkan dengan sifat

penyayang, kasih sayang dan pengorbanan. Perjalanan panjang WANITA dengan kategori berbeza bersama jatuh bangun arus pengisiannya tetapi disebabkan keunikan perkataan itu membuatkan orang masih ingin memilikinya. Pendek kata, segala yang diperlukan wanita semuanya terangkum dan ada dalam WANITA. Apa yang pasti setiap perubahan yang cuba ditampikan WANITA masih menjadi daya penarik pada pembaca setianya untuk terus mengikuti WANITA. Dan sebab itu jugalah, WANITA kekal sehingga kini.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MAJALAH WANITA PADA MASA KINI.

Kurangkan cerita tentang artis. Lebihkan hal ehwal wanita, masyarakat dan wanita berkerjaya. Tonjolkan wanita-wanita muda yang ada pengalaman hebat dari segi kerjaya, peranan dan pendidikan. Kembalikan WANITA pada kedudukannya sebagai majalah yang memang khusus untuk wanita dan tidak dicampuradukkan dengan perkara-perkara lain di luar bidang kewanitaan.

Bukan tak boleh ada. Kisah hiburan tu biarlah yang ada kaitan dengan wanita. Bukan fasal kerjaya sahaja tetapi mesti ada simboliknya wanita. Dari sudut rencana, fesyen, masakan dan perkara berkaitan. Biarlah yang fresh untuk wanita. Kemudian, sesuaikan dengan keadaan sekarang dan tidak salah jika mengambil kira pengisian majalah WANITA yang terdahulu. Mungkin ada bahan terdahulu yang boleh digunakan untuk memperkukuh dan memperkasakan lagi WANITA.



**NOOR
HAZANI
MUSA**

EDITOR WANITA
2003-2006

SIAPA PUAN SEBELUM BERGELAR EDITOR WANITA - PENGALAMAN DALAM BIDANG KEWARTAWANAN DAN PENERBITAN SEBELUM ITU? DAN APAKAH JAWATAN TERAKHIR DIPEGANG SELEPAS BERGELAR EDITOR WANITA?

Sebelum menyanggah jawatan sebagai Pengarang WANITA, saya adalah Penolong Pengarang WANITA. Asalnya, saya merupakan wartawan di akhbar Utusan Melayu dan pernah bertugas di meja Pendidikan serta Rencana. Kemudian, saya dipindahkan ke majalah Mossa. Majalah WANITA merupakan majalah kedua saya ditugaskan, apabila Bahagian Majalah Utusan Melayu (M) Berhad dijadikan anak syarikat iaitu Utusan Karya Sdn. Bhd. (UKSB). Saya dilantik menjadi Pengarang WANITA. Kini, saya masih lagi bertugas di UKSB iaitu di Unit Buku.

PENGALAMAN & KENANGAN PAHIT MANIS SEMASA BERGELAR EDITOR?

Banyak kenangan pahit dan manis telah saya tempuhi semasa berada di WANITA. Segala kenangan pahit, saya rasa tidak perlu untuk diceritakan. Manakala kenangan manis ialah keakraban 'team' WANITA ketika itu. Masing-masing tahu peranan sendiri. Jika ada kerja yang perlu dibereskan, semua turut membantu menyelesaikannya tanpa berkira itu assignment siapa.

PROSES KERJA PADA ZAMAN PUAN?

Ketika saya mengendalikan WANITA, kami berada dalam proses peralihan daripada analog kepada digital. Sesi fotografi yang dahulunya menggunakan slaid dan film, beralih kepada fail digital. Memang lebih memudahkan, tapi kami turut merasakan peritnya apabila fail tidak dapat diakses (korup) dan perlu melakukannya semula sesi fotografi tersebut.



KONSEP YANG PUAN BAWAKAN?

Bentuk fizikal majalah seperti saiz dan bilangan muka surat tidak berubah daripada sebelumnya. Hanya cara 'mekap' iaitu layout sedikit berubah agar lebih menepati cita rasa semasa. Paparan gambar yang lebih besar digunakan dan kandungan dipadatkan. Artikelnya pula banyak yang berupa pengetahuan, sama ada dalam bidang sosioekonomi, karier, agama, kesihatan ataupun kemahiran diri selari dengan usaha untuk mengupayakan pembaca menjadi wanita berilmu dan cemerlang dalam kehidupan peribadi serta kerjaya.

Konsep wanita penghias kulit juga masih dikekalkan iaitu wanita cantik, tidak ternama tetapi berjaya dalam karier. Hendak mendapatkan wanita sebegitu merupakan sebahagian daripada cabaran yang perlu kami hadapi. Ada sesetengah calon yang kami rasakan sesuai, menolak untuk dijadikan cover kerana tidak mahu menonjolkan dirinya. Sebahagiannya berjaya dipujuk, sebahagian lagi kami terpaksa menghormati pendirian mereka.

CABARAN MAJALAH PADA WAKTU ITU.

Persaingan yang sangat sengit merupakan cabaran majalah pada waktu itu. Kewujudan puluhan majalah berkonsep kewanitaan turut memberi impak sehingga menjejaskan jualan dan pendapatan iklan majalah WANITA. Tambahan pula dengan adanya majalah-majalah francais yang semakin bertampan di pasaran.

STORY EKSKLUSIF YANG DIPEROLEH SEMASA MENGEMUDIKAN WANITA?

Kebanyakan artikel yang dihasilkan adalah eksklusif, baik untuk ruangan fokus atau wawancara personaliti tersohor dari dalam dan luar negara. Ketika itu, majalah WANITA sering menjadi majalah berbahasa Melayu pilihan untuk menemui ramah personaliti dari negara asing yang datang ke Malaysia.

Tidak lupa juga temu ramah eksklusif bersama Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom yang berkenan untuk ditemu ramah oleh pihak kami ketika banyak media berusaha mendapatkan kisah eksklusif baginda. WANITA juga pernah menemui bual Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah sebelum baginda menjadi Permaisuri Agong; Datuk Seri Rosmah Mansor dan banyak lagi.

Berita pertunangan dan perkahwinan anak perempuan Tan Sri Maznah Abd. Hamid, Sharmila Shaheen dan Mohd. Nizar, anak Datuk Seri Najib Tun Razak adalah sebahagian artikel eksklusif yang dipaparkan ketika itu.

COVER PALING UNIK DAN CIRCULATION TERTINGGI?

Cover paling unik ialah bersama Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom. Cover itu juga mencatat sejarah tersendiri apabila buat pertama kali, majalah Wanita menampilkan baginda sebagai cover 'sold-out' di pasaran.

PADA PENDAPAT PUAN, APAKAH YANG MENJADI KEKUATAN WANITA YANG MEMBEZAKANNYA DENGAN MAJALAH KEWANITAAN LAIN DI PASARAN SEHINGGA BOLEH BERTAHAN SELAMA 48 TAHUN?

Kehadiran WANITA sudah sebatih dalam jiwa masyarakat la menemani kehidupan wanita dari masa remaja sehingga dewasa, sehinggalah bergelar isteri, ibu dan nenek. Tradisi memiliki dan membaca majalah ini diteruskan dari satu generasi ke satu generasi. Tradisi panjang inilah yang sukar ditandingi oleh majalah kewanitaan lain.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MAJALAH WANITA.

Zaman berubah, cita rasa juga berubah. Cabaran majalah WANITA pada masa kini lebih kepada persaingan dengan media sosial online. Bagaimana hendak menarik wanita yang lebih gemar menatap skrin kepada majalah? Itu yang perlu diidepani oleh barisan editorial semasa.

SIAPA PUAN SEBELUM BERGELAR EDITOR WANITA - PENGALAMAN DALAM BIDANG KEWARTAWANAN DAN PENERBITAN SEBELUM ITU? DAN APAKAH JAWATAN TERAKHIR DIPEGANG SELEPAS BERGELAR EDITOR WANITA?

Selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saya pernah membuat pelbagai pekerjaan sebelum bergelar editor. Antaranya, bekerja di sebuah hotel di bandar raya sebagai GRO. Ups! Jangan salah faham, bukan GRO yang ada di pusat hiburan seperti sekarang ni ya. Ia adalah kerjaya yang terhormat iaitu membantu Pengurus Perhubungan Awam dan short form untuk 'Guest Relations Officer' yang kini disalahgunakan.

Sambil itu, saya memohon untuk menjadi wartawan hiburan di Berita Harian. Tapi sedihnya permohonan saya tidak diterima. Jadi saya memohon pula jawatan di Bahagian Perkhidmatan Pemasaran. Dalam masa yang sama, saya ambil keputusan untuk menulis secara sambilan.

Setelah beberapa artikel yang dihantar ke Berita Harian diterbitkan, saya diminta untuk menulis rencana kesihatan dan ditawarkan oleh Puan Zaharah Nawawi (ketika itu Pengarang Majalah Jelita) untuk menjadi penulis tetap dan diserapkan ke Jelita.

Namun sebelum itu, saya telah diberikan tugas mengendalikan penggambaran muka depan, *cover story*, dan sudut fesyen untuk arwah Noreen Noor. Alhamdulillah, saya berjaya melaksanakan tanggungjawab itu dengan jaya. Setelah itu, barulah saya diserapkan ke Jelita sebagai kadet reporter. Sejak itu, bermulalah kerjaya saya sebagai seorang wartawan.

Ketika saya ditemu duga secara formal, Puan Zaharah Nawawi dan Puan Latifah yang ketika itu pengarah di bahagian reka letak dan visual memaklumkan bahawa mereka sukakan hasil kerja saya. Mungkin atas dasar itu dan kepercayaan terhadap bakat saya, pihak pengurusan telah menghantar saya untuk menyertai kursus Penulisan Kreatif di Universiti Sains Malaysia (USM).

Di situ, saya belajar tentang selok-belok penulisan kreatif secara formal. Saya juga mengikuti kursus Foto *Journalism* yang membuat saya semakin minat pada fotografi. Ketika di USM, saya berjink-jinck menulis novel dan berjaya menghasilkan sebuah novel tentang tiga orang remaja perempuan berjudul Tiga Jalan Terpisah. Tamat pengajian saya kembali bertugas di majalah Jelita dan dalam tempoh tidak sampai setahun, saya dihantar bertugas ke Berita Harian.

Walaupun saya banyak menulis tentang wanita, tetapi orang lebih mengenali saya sebagai penulis fesyen. Melihat kecenderungan bakat dan minat saya terhadap dunia fesyen mendorong Ketua Pengarang Bahagian Majalah ketika itu Roseminah Ahmad dan pihak pengurusan atasan menyerahkan tugas untuk menggalas tanggungjawab melahirkan sebuah majalah gaya hidup berbahasa Melayu yang pertama di Malaysia, RIAS. Pada masa yang sama, saya turut diamanahkan untuk menulis di ruangan knas berkaitan fesyen, kecantikan dan tataras di majalah Umph! sudut fesyen Utusan Malaysia dan ruangan Stailo dalam akhbar Kosmo!

Hari ini saya berasa bangga apabila ada pihak yang

gelar saya, 'Celebrity and Award Winning Editor'. Malah ketika di RIAS dulu ramai orang fesyen seperti Datuk Jimmy Choo yang menyamakan saya dengan pengarang majalah Vogue, Anna Wintour yang menjadi idola saya hingga tertetusnya novel *The Devil Wears Prada*.

'Selepas' berhenti sebagai editor WANITA pada 2007, saya fokus kepada kerja amal. Tetapi entah bagaimana saya terlibat dalam bidang pengurusan acara dan penerbitan juga. Sekarang, saya mengendalikan acara untuk klien di bawah MSP Communications Sdn. Bhd, MSP stands for Muhammad Salleh Bin Perang who is the Dato Bentara Luar of Johor.

PENGALAMAN & KENANGAN PAHIT MANIS SEMASA BERGELAR EDITOR?

WANITA istimewa buat saya kerana saya pernah bertugas dua kali dengan majalah ini iaitu sebagai Penolong Pengarang pada tahun 1993. Kemudian, selepas lapan tahun saya kembali semula ke WANITA sebagai editor. Sepanjang waktu itu banyak kisah manis dan pahit yang saya lalui. Apa pun saya lebih suka pandang ke hadapan. Biar yang lalu menjadi pengajaran dan pengalaman berharga.

KONSEP YANG PUAN BAWAKAN ATAU MUNGKIN PERUBAHAN YANG PUAN LAKUKAN?

Era saya kendalikan WANITA saiznya menjadi A4 yang mana lebih kecil berbanding sebelumnya. The whole idea is to be reader friendly, mudah dipegang dan dibaca di mana sahaja.

CABARAN MENGENDALIKAN MAJALAH DAN INDUSTRI PADA WAKTU ITU.

Ketika itu, industri majalah berkembang pesat. Persaingan amat terasa bukan hanya daripada segi pengisian malah bentuk promosi dan pakej khas untuk menarik pengiklan juga begitu kritikal. Sebagai editor, saya tidak suka hanya duduk di pejabat. Sebaliknya, saya turun padang dengan membuat promosi *roadshow* dan bengkel-bengkel berkaitan wanita seperti bengkel kesihatan, fesyen, kecantikan dan juga program memasak. Penganjuran riadah dan melancong bersama pembaca ke luar negara turut dilaksanakan.

Kami turut mengambil pendekatan kolaborasi di antara surat khabar dan majalah. Misalnya, menggunakan surat khabar in house sebagai medium untuk meswar-warkan program road tour yang menjadi teaser berkesan memandangkan ia boleh disorikan lebih kerap berbanding majalah hanya diterbitkan sebulan sekali. Bentuk promosi tersebut cukup berkesan dan berjaya membantu menjayakan projek yang dirancang. Pada ketika itu juga kami pernah menjalinkan kolaborasi dengan media elektronik dalam format yang sama.

STORY EKSKLUSIF YANG DIPEROLEH SEMASA MENGEMUDIKAN WANITA?

cover story *new wave girl* tentang Ellen DeGeneres. Saya cukup mementingkan dan menganggap setiap story dan interview yang saya buat sebagai eksklusif. Jadi sukar untuk saya memilih yang mana satu eksklusif.

COVER PALING UNIK YANG PUAN HASILKAN, MENGAPA?

Cover paling unik, malah boleh saya katakan percubaan yang berani ialah cover Karen, model jenama Kayla daripada Amerika Syarikats. Saya ambil risiko sebab faham benar sikap orang Melayu yang tidak berapa gamar 'mat salih' di muka depan. Dan lebih mencabar saya shoot dia di dalam sports car.

COVER DENGAN CIRCULATION TERTINGGI

Doh lupa, tetapi selalunya kalau ada selebriti terkenal, musim raya dan perkahwinan circulation akan melambung.

COVER YANG PALING PUAN INGATI, MENGAPA?

Lima cover paling diingat yang melibatkan tiga selebriti iaitu Noorkumalasari, Normala Shamsudin dan Sharmaine Farouk.

PERSONALITI COVER YANG PUAN MAHU MEREKA HADIR PADA MAJLIS ULANG TAHUN KE 48 WANITA?

- 1) Noorkumalasari
- 2) Puan Sri Normala Shamsudin
- 3) Datin Sharmaine Farouk
- 4) Nasha Aziz

PADA PENDAPAT PUAN, APAKAH YANG MENJADI KEKUATAN UTAMA WANITA YANG MEMBEZAKANNYA DENGAN MAJALAH KEWANITAAN LAIN DI PASARAN, SEHINGGA BOLEH BERTAHAN SELAMA 48 TAHUN?

Sinonim sebagai majalah wanita berbahasa Melayu yang pertama di Malaysia, WANITA amat dekat di hati pembaca seluruh Malaysia sejak berdekad lamanya. Ini dengan tersendirinya menjadikan WANITA begitu istimewa lagi tersendiri. Begitu pun saya yakin reputasi majalah ini terletak di bahu editornya sepanjang zaman, yang mana masing-masing berusaha mengetengahkan idea dan corak baru dalam pengisian dan penulisan. Bak kata pepatah, setiap kali ombak melanda, setiap kali itu juga pantai berubah. Inilah yang terus membezakannya dengan majalah wanita tempatan yang lain. Bagi mereka yang menjadi editornya, cabaran meneruskan legasi majalah ini sudah cukup untuk mencabar dan memotivasikan diri.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MAJALAH WANITA PADA MASA KINI.

Sangat jelas WANITA memerlukan perubahan atau sedikit-tidak pun new makeup selalu. Keadaan dan selera pembaca sentiasa bertukar mengikut peredaran zaman apatah lagi dalam dunia sekarang yang serba canggih dan berteknologi tinggi, editor perlu bijak.


Gunakan kelebihan teknologi untuk melonjakkan populariti juga edaran majalah Wanita memandangkan majalah cetak kini mempunyai saingan sengit dengan majalah online dan blogger yang mempunyai ratusan ribu pengikut.

Jangan jadikan teknologi sebagai musuh. Sebaliknya, jadikan ia teman yang boleh membantu meningkatkan edaran. Sebagai contoh, terbitkan satu backup on-line namun mesti ada strategi dan format bijak yang boleh membantu mencapai objektif yang diinginkan.



**WANITA
AWANG**

EDITOR WANITA 2006-2008



NORINI AMIN

EDITOR WANITA 2006-2009

SIAPA PUAN SEBELUM BERGELAR EDITOR WANITA - PENGALAMAN DALAM BIDANG KEWARTAWANAN DAN PENERBITAN SEBELUM ITU? DAN APAKAH JAWATAN TERAKHIR DIPEGANG SELEPAS BERGELAR EDITOR WANITA?

Kerjaya saya di Kumpulan Utusan bermula di akhbar Utusan Malaysia. Ketika itu, saya ditugaskan sebagai wartawan di Meja Berita sebelum ke Meja Jenayah dan Meja Hiburan. Kemudian, saya dilantik menjadi Penolong Editor dan seterusnya Editor majalah mingguan hiburan iaitu HAI.

Selepas beberapa tahun menerajui majalah HAI, saya diberi tanggungjawab untuk mengendalikan majalah bulanan kanak-kanak, KAWAN. Saya kemudiannya diberi kepercayaan menerajui majalah WANITA bermula keluaran April 2008 sehingga Mei 2009.

Saya kemudiannya kembali semula ke akhbar Utusan Malaysia dan bertugas sebagai Pengarang Pemrosesan. Jawatan terkini saya ialah Pengarang di Unit Promosi dan Acara di Utusan Karya Sdn. Bhd., yang merupakan anak syarikat Kumpulan Utusan.

PENGALAMAN & KENANGAN PAHIT MANIS SEMASA BERGELAR EDITOR?

Saya lebih terkesan dengan pengalaman manis sepanjang saya menjadi Editor majalah WANITA. Antara kenangan paling berharga yang saya peroleh apabila turut sama mengendalikan program pencarian Anugerah Wanita Ikon 2008.

Menerusi program tersebut, saya berpeluang menimba pengalaman dalam penganjuran program yang cukup berprestij itu. Pada waktu yang sama, saya berpeluang mengenali dan seterusnya merapati tokoh-tokoh wanita dalam bidang masing-masing yang secara tidak langsung turut memberi inspirasi kepada saya untuk menjadi seorang wanita yang lebih positif dan berdaya saing.

KONSEP YANG PUAN BAWAKAN?

Sewaktu saya diamanahkan tugas menerajui majalah WANITA oleh Datuk Khalid Mohamad, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan dan Encik Zin Mahmud, Ketua Pengarang Utusan Karya pada waktu itu, saya diberi mandat untuk membuat perubahan 100% (peratus) pada konsep penyampaian WANITA.

Perubahan yang dimaksudkan ialah untuk 'memudahkan' WANITA dengan tujuan untuk menarik semula minat golongan wanita muda supaya menjadikan majalah WANITA sebagai wadah bacaan wajib untuk dimiliki pada setiap bulan.

Selaras dengan keperluan untuk 'memudahkan' WANITA, pelbagai perubahan

dibuat melibatkan pengisian serta 'layout'nya. Pendekatan yang digunakan untuk 'mendekati' semula pembaca muda adalah menerusi cara penyampaian isi kandungan dalam WANITA mengikut cita rasa wanita daripada golongan pelapis ini.

Penggunaan gambar penghias wajah kecil juga diperkenalkan pada bahagian 'spine' majalah WANITA dengan tujuan untuk memudahkan dan mengenal pasti si 'cover girl' apabila majalah ini disusun secara menegak atau melintang daripada sudut sisi.

Beberapa kolom baru juga diperkenalkan seperti Permatoran yang mana ruangan ini bertujuan membantu melengkapi para wanita tentang ilmu permatoran selain daripada kemahiran memandu sahaja.

CABARAN MAJALAH PADA WAKTU ITU.

Cabaran yang paling menghimpit saya bersama team WANITA ketika itu ialah persaingan yang terlalu hebat daripada kebanjiran bermacam-macam majalah berkonsepkan kewanitaan yang muncul seperti cendawan tumbuh selepas hujan.

Faktor itu membantu kami di redaksi WANITA perlu sentiasa berada dalam keadaan 'alert mode' untuk 'mencium' gerak-geri pesaing terdekat kami dengan harapan untuk 'mendahului' apa yang akan dipaparkan atau sekurang-kurangnya tidak ketinggalan daripada pengisian para pesaing.

STORY EKSKLUSIF YANG DIPEROLEH SEMASA MENGEMUDIKAN WANITA?

Alhamdulillah, mungkin rezeki WANITA serta berkat usaha bersama team editorial, WANITA berjaya memperolehi beberapa cerita eksklusif ketika itu. Antaranya, Datin Dr. Halina Mohd, Yunos, isteri Datuk Dr. Sheikh Muszaphar. Ketika itu, beliau masih dalam fasa bertunang dengan angkasawan negara tersebut. Tidak banyak diketahui tentang Dr. Halina sebaik sahaja identitinya diperkenalkan sebagai wanita yang telah dirisik oleh Dr. Sheikh Muszaphar. Setelah beberapa bulan, akhirnya dengan persetujuan Dr. Sheikh Muszaphar, wanita yang pemalu dan sangat 'low profile' itu bersetuju untuk muncul dalam WANITA.

Bulan berikutnya iaitu pada September 2008, WANITA mendapat penghormatan istimewa apabila Datin Paduka Seri Rosmah Mansor (ketika itu beliau merupakan isteri Timbalan Perdana Menteri Malaysia), bersetuju menghiasi kulit hadapan WANITA. Menerusi temu bual eksklusif bersama rakan saya (bekas wartawan kanan Utusan Karya) Noraini Nordin, beliau berkongsi cerita bagaimana cabaran fitnah dalam kehidupannya menjadi pengukuh kasih kepada kehidupan rumah tangganya bersama Datuk Seri Najib Razak (kini Perdana Menteri).

Menyusul di WANITA pada Oktober 2008 ialah Puan Sri Tiara Jacquelina. Sedia maklum, beliau cukup selektif untuk muncul dalam sebarang majalah jika tiada sebarang isu yang hendak dihebahkan. Bagaimanapun atas dasar kawan (kami berkawan semenjak di sekolah menengah lagi), Tiara bersetuju muncul sebagai 'cover girl' WANITA meskipun ketika itu beliau sibuk berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Tasmania, Australia kerana melanjutkan pelajaran di sana.

Menerusi keluaran November 2008, saya bersama dua

wartawan WANITA 'berkampung' selama empat hari di Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang, untuk membuat liputan perkhawinan diraja di antara YM Tengku Datuk Nurul Kamalia Tengku Kamil Ismail bersama usahawan, Ahmad Najmi Abdul Razak.

Pada Januari 2009, WANITA diberi rezeki lagi apabila bintang popular Indonesia, Bunga Citra Lestari yang ketika itu baru mengahwini aktor kakak Malaysia, Ashraf Sinclair secara eksklusif memilih untuk muncul sebagai penghias wajah WANITA.

COVER YANG PALING PUAN INGATI, MENGAPA?

Peranan yang dimainkan oleh Puan Sri Tiara Jacquelina dalam memartabatkan lagi industri hiburan tanah air terutamanya seni pementasan teater sehingga menjadi produk kebanggaan Malaysia adalah satu perjuangan yang patut diiktiraf.

Bagi saya, personaliti peribadinya yang kaya dengan wawasan bukan di peringkat tanah air malahan melangkaui ruang global melayakkan beliau untuk diiktiraf sebagai 'Cover Ikonik' sempena majlis ulang tahun ke-48 WANITA.

SIAPAKAH PERSONALITI COVER YANG PUAN MAHU MEREKA HADIR DI MAJLIS ULANG TAHUN WANITA KE 48?

Puan Sri Tiara Jacquelina, Datin Dr. Halina Mohd, Yunos, Datuk Azlina (Wanita Ikon 2008), YM Tengku Datuk Nurul Kamalia dan YAM Tunku Aminah Maimunah Iskandariah

PADA PENDAPAT PUAN, APAKAH YANG MENJADI KEKUATAN WANITA YANG MEMBEZAKANNYA DENGAN MAJALAH KEWANITAAN LAIN DI PASARAN SEHINGGA BOLEH BERTAHAN SELAMA 48 TAHUN?

Kepercayaan golongan wanita terhadap pengisian majalah WANITA sebagai wadah bacaan dan rujukan yang sahih menjadi kekuatan kepada jenama WANITA. Sehubungan itu, majalah WANITA berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai majalah berbentuk wanita sepanjang 48 tahun penerbitannya.

Sememangnya, tidak dinafikan sesuatu kejayaan itu datang daripada sejarah 'perjuangan' yang panjang. Begitu lah jaja majalah WANITA yang menjadi bacaan tradisi turun-temurun.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MAJALAH WANITA PADA MASA KINI.

Sebagai penambahbaikan, saya rasa WANITA boleh menambah ruang untuk dekorasi rumah. Ruangan tersebut boleh dipecahkan kepada dua kolom iaitu dekorasi apartmen, bersesuaian dengan gaya hidup generasi masa kini yang kebanyakannya menetap di rumah apartmen atau pangsa. Kolom ini sebagai tambahan kepada ruang dekorasi sedia ada dalam majalah WANITA yang boleh difokuskan kepada rumah mewah dan sederhana mewah.

Selain itu, pelbagai lagi info mengenai item dalam ruangan gajet selain telefon bimbit seperti komputer bimbit, kamera, *smartphone* dan pelbagai lagi seiring dengan keperluan dan minat golongan wanita masa kini terhadap produk-produk berteknologi semasa. Ruangan itu juga boleh menjadi wadah panduan penjagaan terhadap produk berkenaan.